



SOALAN-SOALAN LAZIM

Kempen Rakan Masjid Agrobank

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Mengapakah kempen ini dinamakan " <i>Kempen Rakan Masjid Agrobank</i> " oleh Agrobank?	<p>Kempen ini dinamakan Kempen Rakan Masjid Agrobank adalah kerana kempen ini bertujuan untuk menggalakkan pelanggan dari institusi Islam iaitu Masjid atau Surau (Pelanggan) membuat simpanan dengan Agrobank, khususnya di bawah akaun simpanan Tawarruq dan berpeluang memenangi hadiah Kempen.</p> <p>Kempen ini memberikan peluang yang lebih tinggi kepada Pelanggan untuk memenangi hadiah Kempen yang ditawarkan.</p>
2	Berapa lamakah tempoh Kempen ini akan dijalankan?	Kempen ini akan dijalankan bermula daripada 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.
3	Apakah medium yang digunakan bagi Kempen ini dan adakah ianya patuh Syariah?	<p>Kempen ini menggunakan modus operandi cabutan bertuah bagi menentukan pemenang. Pelanggan akan diberikan mata penyertaan (MP) sewajarnya sekiranya pelanggan menepati syarat dan terma Kempen seperti yang ditetapkan oleh Bank. Mata penyertaan ini akan menentukan bilangan peluang yang dimiliki oleh Pelanggan bagi cabutan bertuah yang diadakan.</p> <p>Kempen ini adalah patuh Syariah dan konsep Syariah yang digunapakai bagi Kempen ini adalah Hibah Mu'allaqah di mana pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank dan dikenalpasti oleh Jawatankuasa Pemilihan sebagai pemenang.</p>
4	Siapakah yang boleh menyertai Kempen ini?	Kempen ini terbuka kepada semua Masjid atau Surau, sama ada merupakan pelanggan baru atau pelanggan sedia ada Bank; dengan syarat Pelanggan memenuhi syarat-syarat Kempen yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank.
5	Apakah syarat-syarat kelayakan Cabutan?	<p>Cabutan adalah terbuka kepada semua Masjid atau Surau yang membuka Akaun Simpanan Tawarruq (AgroPerdana-i Plus) dengan nilai deposit minima sebanyak RM1,000.00 dalam tempoh Kempen, mempunyai nilai purata baki bulanan sebanyak RM10,000.00 dalam tempoh Kempen dan mengekalkan nilai deposit sekurang-kurangnya RM10,000.00 pada akhir tempoh Kempen iaitu 31 Disember 2022</p> <p>Kegagalan untuk memenuhi terma dan syarat seperti yang telah ditetapkan akan menyebabkan pelanggan tidak layak menyertai cabutan bertuah tersebut. Mohon rujuk maklumat lengkap di dalam Terma dan Syarat Kempen yang telah disediakan.</p>

6	Bilakah pemilihan pemenang akan dilakukan?	Pemilihan pemenang akan dijalankan berdasarkan pada tarikh dan lokasi (tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara pihak Bank) seperti di bawah :	
		Jenis Cabutan	Tempat
		Cabutan Bertuah	Ibu Pejabat Agrobank
7	Bagaimanakah untuk mendapatkan sebarang pertanyaan dan maklumat berkenaan Kempen?	Sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1300-88-2476 atau melalui media sosial rasmi Agrobank dan juga laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my untuk maklumat terkini.	

1 Jan 2021

